



## Lembaga Minyak Sawit Malaysia MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

### ANUGERAH PENERBITAN MPOB

#### 1. LATAR BELAKANG

Anugerah Penerbitan MPOB telah dikemas kini pada 2012 serta diluluskan oleh Lembaga dalam Mesyuarat Lembaga ke-71 bertarikh 14 Ogos 2012.

#### 2. TUJUAN ANUGERAH

Untuk mengiktiraf Pegawai MPOB yang telah menghasilkan penerbitan yang cemerlang berkaitan projek penyelidikan dan pembangunan dalam industri sawit melalui penerbitan saintifik.

#### 3. KATEGORI DAN HADIAH PEMENANG

No.	Kategori Anugerah Penerbitan	IF (Faktor Impak)	Cadangan Nilai Hadiah (RM)
			Jurnal Tiada Bayaran
1	Platinum (terbaik)	Tertinggi	IF X 1000 + 500
2	Emas	$IF \geq 3.0$	3000
3	Emas	$1.00 \leq IF \leq 2.99$	1000

\*Hanya sebagai panduan sahaja. Jawatankuasa ADaM berhak meminda nilai hadiah.

#### 4. KRITERIA PEMILIHAN PEMENANG KATEGORI ANUGERAH PLATINUM PENERBITAN

- Penulis pertama adalah Pegawai MPOB;
- Review paper tidak layak bagi pencalonan kategori Anugerah Penerbitan Platinum hanya layak bagi kategori Anugerah Penerbitan Emas; dan
- Anugerah Penerbitan Platinum dipilih berdasarkan faktor impak tertinggi.

## **5. SYARAT PENYERTAAN**

- a. Penyertaan adalah terbuka kepada Pegawai MPOB yang masih berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) bulan dalam tahun penilaian;
- b. Penyertaan mestilah berasaskan penerbitan tulen/asal berkaitan industri sawit yang diterbitkan pada tempoh 1 Oktober (sebelum tahun penilaian) sehingga 30 September (tahun penilaian);
- c. Penulis Utama/Penulis Koresponden mestilah terdiri daripada Pegawai MPOB, hanya projek yang dibiayai oleh MPOB, projek usahasama dengan agensi luar dan projek GSAS yang layak dipertimbangkan untuk dinilai; Pegawai MPOB perlulah terlibat dalam penyelidikan, bukan sekadar terlibat kerana MPOB membiayai atau membekalkan bahan ujikaji untuk projek tersebut;
- d. Setiap penerbitan mestilah mendapat kelulusan Ketua Pengarah untuk diterbitkan dan salinan Manuscript Submission Form (MS Form) disertakan bersama Borang Pencalonan sebagai bukti kelulusan Ketua Pengarah;
- e. Pembuktian pelajar atau projek usahasama perlu disertakan bersama borang pencalonan;
- f. Untuk penerbitan luar, satu salinan *hard copy* atau PDF penerbitan hendaklah dihantar kepada Ketua Unit Pusat Maklumat Sawit atau diemel kepada pms@mpob.gov.my. Nombor penerbitan (No. PR) akan diberikan dalam masa lima (5) hari bekerja selepas permohonan. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan permohonan ditolak; dan
- g. Permohonan pencalonan hendaklah dibuat melalui Pengarah/Timbalan Ketua Pengarah/Ketua Pengarah.
- h. Borang pencalonan perlu dihantar ke Unit Penerbitan sebelum atau pada tarikh tutup (30 September, 5.30 petang, tahun penilaian).

## **6. PENCALONAN**

- a. Borang pencalonan boleh diperolehi di Sistem Anugerah Dalaman MPOB (ADaM) di <http://intranet.mpob.gov.my/> atau berhubung terus dengan Urusetia (Pn. Anita Taib /Pn. Rozana Abu Bakar, emel: anita@mpob.gov.my/rozana@mpob.gov.my);
- b. Pencalonan hendaklah dihantar kepada:

**Pn. Anita Taib**  
Ketua Unit Penerbitan  
Emel: anita@mpob.gov.my  
No. Tel: 03-87694562

## **7. KEPUTUSAN**

**Keputusan adalah MUKTAMAD.**

Mana-mana pencalonan yang didapati melanggar Etika Penerbitan MPOB tidak akan dipertimbangkan dan akan dikenakan tindakan tatatertib.

**\*Jawatankuasa ADaM berhak meminda nilai hadiah Anugerah penerbitan.**